

18/02/1997

Akta lindungi hidupan liar perlu diperketat

GEORGETOWN, Isnin - Kerajaan perlu mengetatkan Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 bagi melindungi dan memelihara habitat hidupan liar di negara ini.

Presiden Sahabat Alam Malaysia (SAM), S M Mohammad Idris, berkata sehingga kini, tiada peruntukan menerusi akta berkenaan yang memberi kuasa kepada pihak berkuasa untuk menghalang perubahan habitat hidupan liar kepada kawasan pembangunan dan pertanian.

Menurutnya, kelonggaran akta berkenaan seharusnya diperbaiki bagi memastikan hidupan liar dapat terus hidup tanpa diganggu pembangunan fizikal.

"Jika model pembangunan dirangka dengan teliti, tiada masalah akan timbul, sebaliknya akan wujud keseimbangan di antara pembangunan dan perlindungan hidupan liar," katanya di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menegur pihak tertentu jangan bersikap keterlaluan dalam memelihara hidupan liar sehingga menimbulkan masalah.

(END)